


# Kediaman dikelilingi kehijauan

RESIDENSI SUNGAI PURUN DI BANGI SELANGOR TAWAR REKA BENTUK MODEN DAN TROPICAL



**PEMBANGUNAN BAHARU**



PELAN UNIT Residensi Sungai Purun

**R**ESIDENSI Sungai Purun, sebuah lagi projek pembangunan kediaman eksklusif, cetusan idea Worldwide Holdings-Berhad (Worldwide Holdings) yang terletak di Bangi, Selangor.

Dibina di atas tanah dengan keluasan 2.68 hektar dan dikelilingi kehijauan alam di pinggir bandar, projek kediaman itu telah melahirkan pembangunan yang unik dengan kepadatan rendah.

Keindahan Tanah Rizab Melayu itu menjadikan Residensi Sungai Purun sebagai pilihan kediaman yang ideal, apatah lagi dikelilingi kehijauan alam.

Dilengkapi taman dengan landskap yang teratur dan berorientasikan gaya hidup mesra komuniti, ia mampu mewujudkan nilai kejiranan yang lebih harmoni.

Ketua Pegawai Operasi Hartanah, Worldwide Holdings, Rosli Ismail berkata, Residensi Sungai Purun bukanlah kediaman teres biasa yang selalunya tidak mempunyai tanah yang luas.

"Ke semua unit di Residensi Sungai Purun akan mempunyai ruang belakang yang luas sehingga 20 kaki. Ruang yang luas ini amat sesuai untuk diadakan aktiviti keluarga atau melakukan pengubahsuaian pada masa akan datang.

"Hanya 69 unit sahaja akan dibina di atas tanah dengan keluasan 2.68 hektar bagi mewujudkan suasana eksklusif. Jumlah unit yang amat terhad ini juga, menjadi salah satu keunikan yang terdapat pada projek pembangunan ini," katanya.

Menurut Rosli, bagi meningkatkan ciri-ciri keselamatan penduduk, hanya satu laluan keluar dan masuk disediakan.

Selain itu, pagar perimeter juga akan dipasang di sekeliling projek perumahan tersebut.

"Bagi meningkatkan lagi ciri-ciri eksklusif Residensi Sungai Purun, projek perumahan ini turut menyediakan kemudahan taman permainan khas dan ruang terbuka dengan keluasan kira-kira 0.2 hektar.

"Lebih menarik, penduduk bakal menikmati suasana damai dari sungai yang mengalir bersebelahan taman ini," katanya.

### Reka bina moden

Kediaman Tanah Rizab Melayu ini menawarkan reka bentuk moden dan tropikal sebagai pilihan.

Rekaan dalamannya berkonsepkan terbuka, memberikan suasana yang santai dan selesa, sekali gus menggerakkan lagi ikatan kekeluargaan.

"Konsep reka bentuk bangunan secara keseluruhan adalah berdasarkan bangunan moden dengan mempertimbangkan beberapa aspek seperti susun atur pelan unit terbuka.


"Ia menggabungkan ruang tamu, ruang makan dan dapur untuk mengoptimalkan susun atur moden yang luas dan membolehkan pengudaraan dan pencahayaan semula jadi," katanya.

Menurut Rosli, susunan bilik tidur di tingkat bawah membolehkan penempatan katil dua tingkat bagi memudahkan kehidupan berbilang generasi.

Kediaman itu juga direka dengan tambahan tanah yang luas di bahagian belakang untuk pengubahsuaian atau aktiviti keluarga pada masa depan.

Rumah dua tingkat dengan empat jenis saiz lot bermula dari 22' x 81' itu menyediakan empat bilik tidur yang selesa dengan tiga bilik mandi.

"Dimensi bilik pula berkonsepkan



RESIDENSI Sungai Purun dilengkapi taman dengan landskap yang teratur dan berorientasikan gaya hidup mesra komuniti.

modular untuk mengoptimalkan ruang manakala kawasan beranda kereta mampu memuatkan dua biji kereta yang diletakkan sebelah menyebelah," katanya.

### Tanggung kos duti setem, SPA

Projek pembangunan Residensi Sungai Purun yang bermula sejak Ogos tahun lalu, dijangka siap dalam tempoh 15 bulan, menawarkan harga bermula dari RM583,000 hingga RM950,000 bergantung kepada jenis unit lot dan saiz.

"Menariknya, bermula Januari 2019 sehingga akhir Jun depan, kami menawarkan pakej harga istimewa untuk semua pembeli.

"Selain pakej kemasukan yang mudah ditawarkan dengan bayaran pendahuluan minimum. Kos duti setem pada Memorandum Pindahan (termasuk bayaran pendaftaran) dikesualikan, dan kos Perjanjian Jual Beli (SPA) akan ditanggung oleh pembeli," katanya.

Katanya sehingga kini, lebih 15 peratus pembeli yang berdaftar untuk projek Residensi Sungai Purun.

"Sehubungan itu, kami memperuntukkan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) projek tersebut sebanyak RM43.8 juta," katanya.

Tambahnya, unit pameran di tapak projek juga telah disediakan untuk dilawati oleh pembeli yang berminat.

### Kedudukan strategik

Residensi Sungai Purun merupakan pilihan kediaman yang ideal dengan kemudahan jaringan jalan raya dan lebuh raya.

"Di kelilingi dengan kehijauan alam dan berdekatan dengan prasarana moden serba lengkap, ia amat sesuai bagi yang inginkan kediaman dengan suasana yang tenang.

Terletak berhampiran Putrajaya, Bandar Baru Bangi, Semenyih dan Kajang, ia turut menghubungkan ke Lebuhraya Kajang Seremban (Lekas) sejauh 2 kilometer (km), Lebuhraya Utara Selatan (7 km) dan Lebuhraya Elite (11 km).

"Kedudukannya yang strategik juga terletak bersebelahan dengan Serene Heights, dan kawasan penempatan yang matang seperti Bandar Baru Bangi dengan jarak kira-kira 15 kilometer (km)," katanya.

Residensi Sungai Purun juga terletak berhampiran Kajang (10km), Semenyih (5km), Putrajaya dan Cyberjaya (27km).

Selain pelbagai kemudahan di

sekelilingnya, terdapat banyak universiti awam dan swasta berdekatan.

Ia termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Tenaga Nasional, German-Malaysian Institute, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur.

### Perkukuh perniagaan hartanah

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Worldwide Holdings, Datin Paduka Norazlina Zakaria, selain daripada projek pembangunan Residensi Sungai Purun, Worldwide Holdings juga terlibat dengan banyak lagi projek perumahan di Selangor.

Antaranya Subang Bestari di Bandar Subang, Puncak Bestari 1 & 2 di Puncak Alam, Residensi Alami di Shah Alam dan Daunan Perdana di Alam Perdana.

Worldwide Holdings juga mempunyai dua projek hartanah di Australia, iaitu di Sydney (Sydney's Eastern Creek) dan Perth

(Champion Glades Private Estate).

Selain projek perumahan, Worldwide Holdings turut terlibat dengan projek pembangunan pejabat bertingkat (high-rise development) di Selangor dan Kuala Lumpur.

Tambah beliau lagi, sebagai anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor, Worldwide Holdings turut terlibat dalam pelbagai sektor perniagaan seperti pengurusan alam sekitar, peranti perubatan, pelaburan dan penjaan tenaga.

### Diiktiraf sebagai peneraju utama

Worldwide Holdings telah berkembang menjadi konglomerat yang berjaya sejak penubuhannya lebih 25 tahun yang lalu.

Worldwide Holdings hari ini diiktiraf sebagai peneraju utama dalam perkhidmatan pengurusan alam sekitar dan salah satu pemain utama dalam sektor pembangunan hartanah di Lembah Klang.

Worldwide Holdings memberi tumpuan kepada empat sektor perniagaan utama.

Iaitu hartanah, pengurusan alam sekitar, peranti perubatan dan pelaburan selari dengan keperluan dan permintaan pasaran semasa.

Portfolio pelaburannya memberi tumpuan kepada industri utiliti dan hartanah, di dalam dan di luar negara.



RESIDENSI Sungai Purun menawarkan reka bentuk dalaman yang luas dan selesa.



RESIDENSI Sungai Purun dikelilingi kehijauan alam dan berdekatan dengan prasarana moden serba lengkap.